



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN OLEH KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KESUMA) UNTUK MENINGKAT KEBOLEHPASARAN GRADUAN DAN PEKERJA TEMPATAN DALAM SEKTOR TEKNOLOGI DAN INDUSTRI 4.0

1. Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) terus mengorak langkah dalam usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan dan memastikan pekerja tempatan bersedia menghadapi cabaran dalam sektor teknologi dan Industri 4.0 yang semakin kompetitif. Melalui pelbagai program latihan kemahiran, KESUMA komited untuk memperkukuh kebolehpasaran graduan dan pekerja, selaras dengan kehendak industri semasa.
2. Menurut statistik Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sebanyak 575,044 pencari kerja aktif telah direkodkan dari Januari hingga 27 September 2024 di Portal MYFutureJobs, berbanding 125,956 kekosongan jawatan yang diiklankan. Bagi menangani cabaran guna tenaga tidak penuh, terutamanya bagi graduan baharu dan pekerja tempatan, pelbagai program telah diperkenalkan oleh KESUMA, antaranya:
 - i. **Program Latihan di bawah Sistem Insurans Pekerjaan**
PERKESO telah melaksanakan beberapa program latihan digital dan keselamatan seperti Program *Digital Marketing*, Program *Drone Operation*, dan Program *Safety and Health Officer* di bawah Sistem Insurans Pekerjaan. Program-program ini bukan sahaja membantu pencari kerja meningkatkan kemahiran mereka, tetapi juga membuka peluang pekerjaan dalam sektor teknologi yang sedang berkembang pesat.
 - ii. PERKESO turut menyediakan faedah insurans pekerjaan bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan melalui program latihan semula (*reskilling*) dan peningkatan kemahiran (*upskilling*). Setakat September 2024, seramai 3,005 peserta telah diberi kelulusan untuk mengikuti program ini, dengan 75.94% daripada mereka berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat latihan.

iii. Skim Latihan Bakal Pekerja (FWT)

HRD Corp memperkenalkan Skim Latihan Bakal Pekerja (FWT) yang direka untuk melatih graduan dan individu menganggur dalam kemahiran kritikal. Program ini membantu peserta menyesuaikan diri dengan keperluan majikan. Seramai 1,617 pelatih telah memanfaatkan skim ini setakat 30 September 2024.

iv. Kursus Berfokuskan Industri 4.0

Selaras dengan perkembangan teknologi masa kini, HRD Corp telah meluluskan RM30.54 juta bagi kursus yang berfokus kepada Industri 4.0 dan Teknologi Masa Depan, yang telah memberi manfaat kepada 17,899 peserta. Kursus-kursus ini bertujuan untuk melengkapkan tenaga kerja Malaysia dengan kemahiran yang diperlukan untuk masa kini dan masa hadapan.

v. Kerjasama Strategik dan Pusat Teknologi

Jabatan Tenaga Manusia (JTM) juga melaksanakan Pelan Strategik 2021-2030 yang memfokuskan kepada kerjasama dengan pihak industri serta penubuhan pusat teknologi khusus seperti Mikroelektronik di ADTEC Taiping dan teknologi automotif termaju di ADTEC Melaka.

vi. Pembiayaan PTPK untuk Pelatih Kemahiran

KESUMA melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) menyediakan bantuan pembiayaan kepada pelatih yang mengikuti program kemahiran di sektor dan industri dengan pertumbuhan dan nilai tinggi (*high-growth high value* [HGHV]) secara berpakej dengan program persijilan kompetensi atau kelayakan ikhtisas sebagai nilai tambah kepada program Skim Kemahiran Malaysia (SKM). Ini termasuklah pengiktirafan sebagai Juruteknik Bertauliah oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) yang meningkatkan nilai kebolehpasaran pelatih.

3. KESUMA komited untuk memastikan graduan dan pekerja tempatan mampu menghadapi cabaran ekonomi masa hadapan dengan kemahiran yang diperlukan, terutamanya dalam sektor teknologi dan Industri 4.0 yang berkembang pesat.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
21 OKTOBER 2024**